



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (5)

Tarikh : 13 Februari 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **OPS Akta 757 di Astaria Apartment & Ayers Tower**

Kuala Lumpur, 13 Februari 2017 - Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (Unit Pesuruhjaya Bangunan) melakukan Ops Akta 757 di Astaria Apartment & Ayers Tower pada pagi ini.

2. Pada pagi ini adalah dimaklumkan pada 14 Februari 2017 jam 10.00 pagi satu OPS Akta 757 akan dilaksanakan di bawah Subseksyen 26(1)(c) dan (d) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) melalui surat peringatan kepada syarikat Badan Pengurusan Bersama Astaria & Ayer Tower (JMB) oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bersama Unit Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, KPKT.

3. Sekiranya Astaria Apartment & Ayers Tower ini gagal mematuhi surat di bawah Subseksyen 26(5) Akta 757 dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak melebihi RM250, 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

4. Penguatkuasaan di bawah Akta 757 dapat dilaksanakan melalui dua mekanisma iaitu;-

- I. Secara rundingan dan kerjasama berterusan antara KPKT dan COB PBT
- II. OPS didedahkan kepada masyarakat melalui media elektronik, cetak dan dan lain-lain medium dengan tujuan utama bahawa Akta 757 telah mula dikuatkuasakan.

5. KPKT melalui Unit Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran ini diwujudkan bagi memastikan penguatkuasaan di bawah Akta 757 dijalankan secara sistematik dan berkesan. Tujuan penguatkuasaan adalah seperti tersebut;-

- I. Tindakan yang diambil dari sudut perundangan ke atas pesalah – pesalah berlandaskan peruntukan Akta 757.
- II. Mengwar-warkan kepada pihak yang berkepentingan seperti pemaju, badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC), ejen dan pemilik/pemunya petak / pembeli bahawa tindakan penguatkuasaan telah pun mula dijalankan.
- III. Memberi impak dan pengajaran kepada komuniti dan masyarakat supaya menjadikan pesalah yang telah diambil tindakan sebagai contoh.
- IV. Menyedarkan masyarakat amalan yang salah supaya dapat diperbetul dan diperkemas dari segi aspek pengurusan, kewangan dan lain-lain.
- V. Pendidikan melalui teknik penguatkuasaan bagi membuka mata masyarakat demi generasi akan datang betapa pentingnya skim wajib diurus dengan baik.

6. OPS Akta 757 ini dilaksanakan dengan matlamat ini akan menyelesaikan banyak masalah terutama dari sudut memberi kesedaran dan tanggungjawab berhubung dengan pengurusan komuniti strata dan penyenggaraan bangunan berstrata.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : pro@kpkt.gov.my*